

16/04/1997

PM belum pilih calon MB Selangor

Izman Ismail; Razali Zakaria

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum memutuskan calon baru Menteri Besar Selangor bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletak jawatan, berkuatkuasa semalam.

"Setakat ini, saya belum mempunyai calon lagi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang video mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini.

Perdana Menteri enggan mengulas lanjut apabila ditanya sama ada beliau sudah menetapkan tarikh untuk menghadap Sultan Selangor bagi memaklumkan pengganti Muhammad. Difahamkan, Muhammad mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di JPM, pagi ini.

Dalam sidang akhbarinya semalam, Muhammad berkata, beliau akan terus menduduki kerusi Naib Presiden Umno dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali selain Ketua Umno bahagian Hulu Selangor kerana tiga kerusi itu adalah jawatan yang dipilih.

Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad turut melepaskan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno Selangor dan Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir juga enggan apabila ditanya pandangannya berhubung keputusan Muhammad mengekalkan jawatan Naib Presiden Umno.

"Saya tidak ada apa-apa komen," katanya apabila ditanya sama ada Majlis Tertinggi menerima keputusan Muhammad itu atau akan membincangkannya semula.

Sementara itu, jurucakap Pejabat Sultan Selangor berkata, sehingga hari ini, pihaknya belum menerima surat atau apa-apa maklumat bahawa Perdana Menteri memohon menghadap Sultan Selangor.

"Sejak peletakan jawatan Tan Sri Muhammad (Muhd Taib) sebagai Menteri Besar, Dr Mahathir belum menemui Sultan Selangor untuk memilih calon pengganti.

"Hari ini pun, Perdana Menteri sendiri sudah menyatakan beliau belum lagi memilih siapa pengganti Muhammad," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau diminta mengulas kononnya Perdana Menteri sudah memaklumkan kepada Sultan Selangor mengenai calon yang akan dilantik menjadi Menteri Besar yang baru.

Jurucakap itu berkata, siapa calon Menteri Besar Selangor mungkin diketahui selepas Aidiladha, minggu depan.

Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatan Muhammad sebagai Menteri Besar Selangor, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno, Sabtu lalu.

Muhammad, 51, menghadapi dua tuduhan di mahkamah Australia - satu daripadanya tidak mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta yang hendak dibawa keluar dari negara itu pada 22 Disember lalu.

Beliau juga menghadapi tuduhan membuat perisytiharan palsu mengikut Seksyen 29 (3) Akta Laporan Urusniaga Kewangan Australia apabila hadir di mahkamah Brisbane, 19 Ogos ini.

(END)